

# PERSISI belum diundang ke Pesta Silat

14 SEP 1976

*pencak silat*

**P**ERSEKUTUAN Silat Singapura (PERSISI) belum lagi diberitahu atau diundang secara rasmi mengambil bahagian dalam Pesta Silat Asia, yang diadakan berlangsung di Stadium Negara, Kuala Lumpur 4 Disember depan.

"Kami merasa hai- ran dan terkejut bila mendapatahu Singapura adalah di antara lapan buah negara Asia termasuk tuanrumah, Malaysia, yang akan menjayakan Pesta itu," jelas setiausaha agung PERSISI Encik Johari Uriff semalam.

"Apa yang kami bimbang ialah kemungkinan undangan itu disampaikan kepada pihak individu, sedangkan PERSISI merupakan pertubuhan silat yang mewakili Republik ini."

"Kerana itu, adalah tidak wajar sesabuah persatuan silat tempatan menyertai Pesta itu sebagai mewakili Singapura. Lebih-lebih lagi setelah mereka sedar wujudnya PERSISI sebagai pertubuhan kebangsaan yang tunggal," tegaskannya.

Encik Johari menyatakan demikian ketika mengulas satu berita dari Kuala Lumpur baru-baru ini yang mela-purkan Singapura adalah di antara lapan buah negara yang akan menjayakan Pesta Silat Asia itu.

Lain-lain negara yang dilaporkan akan turut mengambil bahagian ialah Thailand, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, India dan tuanrumah, Malaysia.

Menurut berita itu lagi, pengajur pertandingan itu ialah Mahaguru Omar Din Yang Diertua Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia. Antara tujuannya ialah memperluas kegiatan seni silat lincah ke peringkat antarabangsa.

Encik Johari berkata: "Kami memang menyambut baik rancangan pertandingan serupa ini, kerana ia akan dapat mempopularkan lagi satu cabang kesenian Melayu untuk dijadikan sebagai satu acara sukan sebagaimana judo, karate dan sebagainya.

"Bagi PERSISI, kami tidak keberatan turut menjayakan dengan syarat mendapat undangan rasmi dari pihak pengajurnya."

Menurutnya, PERSISI berharap pihak pengajur dapat memberitahu secara rasmi melalui setiausaha, di alamat 32, Jalan Jaffar, Singapura 14 atau talipon 494400.

Encik Johari juga menggesa persatuan-persatuan kerabat PERSISI supaya merujukkan kepadanya, sekiranya mereka menerima undangan serupa ini "supaya pemilihan pasukan Singapura dapat dilakukan dengan lebih adil lagi."

"Kami tidak mahu timbul prasangka PERSISI mempunyai sikap pilh-kasih terhadap kerabatnya, dan kami bertujuan menghantar seberapa banyak jenis silat andainya diundang ke Pesta itu," setiausaha PERSISI itu menekankan.

*pencak silat*

# Silat: Persembahan lebih bermutu jika disokong penuh

15 SEP 1976

*pencak silat*

**P**ADA awal bulan lalu saya berpeluang menyaksikan National Pugilistic Championship di Gay World dan saya dapat tidak kurang dari 10,000 orang yang menyaksikan pertandingan tersebut.

Apa yang menarik dari sambutan para penonton itu ialah dengan adanya sokongan mereka itu, klab-klab dan persatuan yang mengembangkan seni pertahanan diri itu semakin tumbuh dan berkembang maju.

Ini dapatlah disaksikan dengan langkah Persekutuan Silat Singapura mengadakan Pesta Silat di Panggung Ne-

gara pada 18 Ogos la-

lu. Pesta itu sungguh menggalakkan dan diadakan kena pada masa dan sesuai pulalah dengan minat yang semakin semarak di kalangan belia di sini.

Kalaularah masyarakat kita juga dapat memberi sokongan seperti di Gay World itu saya yakin bahawa persatuan-persatuan seni silat akan mendapat inspirasi yang lebih

dan menunjukkan persembahan-persembahan yang bermutu. 15 SEP 1976

Sokongan yang dapat mereka berikan di sini tidaklah lain dari datang menonton beramai-ramai dan menyeriakan lagi pementasan.

Di samping itu tiket yang dibeli itu akan dapat juga menambah dana bagi persekutuan itu melanjutkan projek-projeknya.

Dengan ini saja seni seperti itu dapat dimajukan lagi ke taraf yang lebih tinggi.

AIDI RAHIM  
Commonwealth Drive 3.

## 600 anggota

### VC ikuti

### latihan silat

23 SEP 1976

### Melayu

*pencak silat*

**S**ERAMAI 600 orang anggota Pasukan Pengawas (VC) Perkhidmatan Negara sambilan sedang mengikuti latihan Seni Silat Melayu.

Latihan itu adalah sebagai persiapan untuk menyambut Hari Ulang-tahun Pasukan Pengawas yang akan berlangsung pada Januari tahun depan.

Latihan sebanyak empat kali sebulan bermula sejak Februari lepas dan berlangsung pada setiap malam Selasa, Rabu dan Jumaat di padang Sekolah Menengah Thomson.

Menurut majalah terbaru Pasukan Pengawas 'Vigilante', seramai 600 orang anggota yang akan mengambil bahagian dalam pertunjukan itu terdiri dari masyarakat berbilang bangsa di sini.

Latihan dan pertunjukan itu bertujuan untuk memupuk tatatertib dan kerjasama di kalangan anggota-anggotan.

Pertunjukan itu akan berlangsung dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah bersilat secara jurus di mana empat kumpulan akan mengambil bahagian.

Empat kumpulan itu akan mempersembahkan cara-cara bermain senjata yang berbeza. Setiap kumpulan terdiri dari 144 orang.

Kumpulan pertama ber-silat menggunakan keris, kumpulan kedua menggunakan tempong, ketiga menggunakan parang dan yang keempat bersilat tanpa bersenjata.

Peringkat kedua terdiri dari 80 orang yang dilatih khas untuk bertarung. Mereka akan dibahagikan ke dalam empat kumpulan.

Anggota-anggota yang mengambil bahagian akan disediakan pakaian seragam yang beraneka warna sedang kumpulan khas akan berpakaian seragam serba hitam.

Pertunjukan Seni Silat Melayu adalah satu acara yang akan dipersenjatakan di Hari Ulang-tahun Pasukan Pengawas pada Januari depan ini.